

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK WIRA DR.MOHD HATTA BIN MD.  
RAMLI [LUMUT]**

**TARIKH : 16 JULAI 2020**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tugas utama Duta Khas Malaysia ke Timur Tengah dan perkembangan terkini hubungan Malaysia dengan negara timur tengah tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Antara tugas utama Duta Khas Perdana Menteri Ke Timur Tengah adalah untuk menasihati YAB Perdana Menteri bagi memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai rakan perdagangan strategik negara-negara Timur Tengah merangkumi semua negara serantau dengan meningkatkan lagi jalinan kerjasama dalam bidang agama Islam, pendidikan, perdagangan dan pelaburan.

2. Sejak merdeka, Malaysia mengamalkan dasar hubungan luar negara yang neutral berteraskan prinsip tidak campur tangan untuk melindungi kedaulatan dan kepentingan negara serta untuk menyumbang secara efektif ke komuniti antarabangsa dengan adil dan saksama melalui platform hubungan dua hala dan pelbagai hala.

3. Sebagai ahli aktif Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Organisation of Islamic Cooperation (OIC) dan The Non-Aligned Movement (NAM), Malaysia mempunyai hubungan diplomatik yang akrab dengan semua negara khususnya di Timur Tengah, kecuali Israel.

4. Hubungan sedia ada di antara Malaysia dengan negara-negara di Timur Tengah adalah akrab. Namun, kerjasama-kerjasama ini masih mempunyai ruang yang boleh dikukuhkan untuk manfaat bersama terutama dalam sektor perdagangan, pelaburan, hubungan di antara rakyat, pelancongan, keagamaan dan pendidikan.